

BAHASA MELAYU KERTAS 2

SOALAN : PEMAHAMAN TEKS (SOALAN iii)

Permainan muzik tradisional seperti tumbuk kalang merupakan muzik asli yang diilhamkan daripada kegiatan menumbuk padi.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil agar muzik tradisional tidak terus ditelan zaman?

(3 markah)

Teknik BASuH

BACA : BACA SOALAN YANG DIBERIKAN

ANALISIS : CARI KATA KUNCI ARAHAN SOALAN

SUBJEK : TENTUKAN SUBJEK/KATA NAMA DALAM SOALAN DAN JAWAPAN ANDA
(DiKeMaSeN + MM)

HURAI : HURAIKAN JAWAPAN DENGAN MENYAMBUNG AYAT MENGGUNAKAN TEKNIK
BUDAKS

B : BAGI

U : UNTUK

D : DENGAN/DEMI

A : AGAR

K : KERANA

S : SUPAYA/SEPERTI

CONTOH JAWAPAN

Pada pendapat saya, langkah yang harus diambil agar muzik tradisional tidak terus ditelan zaman ialah pihak kerajaan boleh menubuhkan pelbagai agensi dan institusi latihan yang berkaitan dengan muzik tradisional agar dapat melatih generasi muda bermain alat-alat muzik tradisional. Selain itu, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan muzik tradisional agar dapat mencungkil bakat dan minat murid-murid bermain alat muzik tradisional. Seterusnya, ibu bapa boleh memperkenalkan kepada anak-anak tentang muzik tradisional dengan memperdengarkan kepada mereka irama tersebut sejak kecil

LATIHAN

iii) Peniaga dalam talian memperoleh keuntungan yang banyak hasil kebijaksanaan mereka mempromosikan perniagaan sehingga bergelar jutawan.

Pada pendapat anda, selain memperoleh pendapatan sampingan, apakah kebaikan lain Internet kepada murid-murid? [3 markah]

(iii) Menjaga kebersihan diri ialah amalan gaya hidup sihat yang perlu dipupuk dalam diri anak-anak sejak kecil oleh ibu bapa kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Pada pendapat anda, apakah amalan gaya hidup sihat lain yang perlu disemai oleh ibu bapa dalam diri anak-anak sejak mereka masih kecil? (3 markah)